

PUSAT ISLAM

مقاله ڦوست اسلام

Makalah

MENABUR BUDI MENDIDIK ROHANI

EDISI 3

JULAI- DISEMBER 2018



Kem Bestari Fardu Ain

PROGRAM
PERMUAFAKATAN
ASYURA



PROGRAM IBADAH
KORBAN



PELANCARAN
“E-SEDEKAH@UMK”



SEMINAR
KELUARGA BAHAGIA



Sidang Editorial

Kalam PENGARAH



Alhamdulillah dengan rahmat Allah yang mengutuskan Nabi Muhammad *Sallahu alayhi wa sallam* pembawa utusan terulung, Makalah Pusat Islam UMK kali ini dapat diterbitkan lagi dengan lebih sempurna. Penerbitan Makalah edisi III ini lebih menambahkan kemantapannya yang menunjukkan kemampuan buletin ini mengangkat tradisi persuratan dan penerbitan di Universiti Malaysia Kelantan. Ia lebih bersifat memperkenalkan segala macam bentuk kegiatan yang dianjurkan oleh Pusat Islam UMK, maklumat-maklumat tentang PIUMK, di samping penampilan artikel dalam kepelbagai tajuk perbincangan.

Kepelbagai aktiviti keagamaan yang dilaksanakan oleh PIUMK tidak lain dan tidak bukan semata-mata untuk membentuk kerohanian berskala tinggi dalam kalangan warga kampus. Universiti sebagai gedung ilmu sudah semestinya sinonim dengan penganjuran aktiviti-aktiviti sedemikian yang banyak membentuk kerohanian staf dan pelajar. Persembahan aktiviti ini ada yang didatangkan dalam bentuk berita tanpa foto, ada yang dibentangkan dalam bentuk foto sahaja yang membiarkan ia berbicara, dan ada juga yang didatangkan melalui berita dan fotonya sekali. Namun apa yang lebih penting, maksud yang ingin dinyatakan itu dapat disampaikan kepada sasarnya.

Walaupun Makalah PIUMK masih di peringkat "bertatih" dalam bidang persuratan dan penerbitan, namun persembahan yang ditunjukkan memperlihatkan ia sudah mampu "berlari" seperti mana buletin-buletin lain yang lebih panjang daya terbitnya. Semoga tradisi ini dapat diteruskan untuk selanjutnya.

Setinggi penghargaan kepada sidang editor yang telah menampakkan kematangan dan kecekapan mengolah Makalah hingga dapat diterbitkan sebagaimana keberadaannya di tangan pembaca sekalian. Syabas dan tahniah di atas usaha jitu ketua editor dan sidang editor yang tidak jemu-jemu berikhtiar agar perancangan penerbitan Makalah ini dapat disinambungkan seperti mana yang dirancang sebelumnya, walau menempuh seribu onak yang mendatang.

Moga kita terdiri dalam kalangan orang yang suka membaca dan mentelaah. Moga kita dapat menikmati bersama kepentingan *iqra'* yang dibawakan kepada Rasulullah *Sallahu alayhi wa sallam* dalam kehidupan kita. Akhirnya moga pembaca mengambil manfaat daripada segala persembahan yang terkandung dalam Makalah kali ini.

Musim tengkujuh datangnya bah
Gembira warga bermain sampan
Maklumat disampai penuh berhemah
Makalah tersemat di persada ingatan

Sekian, wassalam.

Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad

Penasihat
Azhar bin Muhammad
Mohd Zain bin Mubarak

Ketua Editor
Muhd Khalid El-Muhammady bin
Muhd Uthman El-Muhammady

Penolong Ketua Editor
Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

Sidang Editor
Mohd Binyamin bin Che Yaacob
Nor Zakwan bin Che Musa
Norma binti Abdullah
Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed

Fotografi
Khairudin bin Mat Lazim

Percetakan dan Edaran
Wan Mohd Amir bin Yusoff
Muhammad Husni bin Kamaruddin

Sebarang cadangan atau pandangan berkenaan Makalah ini, boleh berhubung :

EDITOR MAKALAH

Pusat Islam UMK

Tel : 09-7797474

Emel : pusatislam@umk.edu.my
Facebook : PUSAT ISLAM UMK



Tinta KETUA EDITOR

Syukur kepada Allah SWT dengan izin-Nya, selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Makalah Pusat Islam Edisi ke -3 berjaya disiapkan dengan jayanya setelah melalui sedikit kesukaran dan cabaran yang berbeza dengan sebelumnya. Keluaran makalah kali ini amat bermakna kerana ia sarat dengan artikel ilmiah dan laporan berita aktiviti Pusat Islam yang telah dilaksanakan samada di dalam atau diluar kampus.

Keluaran makalah kali ini disajikan dengan makalah ilmiah daripada penulisan Pengarah Pusat Islam iaitu Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad dan Timbalan Pengarah Pusat Islam iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak. Isu yang dikupas berkenaan dengan hiburan dan muzik pada pandangan Islam dan berkait rapat dengan warga Universiti dan masyarakat umum. Artikel tersebut memberikan ilmu dan maklumat yang sangat berguna kepada pembaca.

Selain itu, terdapat hampir keseluruhan program yang telah dilaksanakan terakam dalam makalah kali ini. Laporan dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Kerohanian dan Dakwah, Unit Zakat Kebajikan dan Keusahawanan dan Unit Pendidikan dan Pembangunan Insan. Dengan kepelbagaiannya artikel ilmiah dan laporan program yang sangat menarik akan memberikan kelainan dan menarik minat pembaca menunggu edisi yang berikutnya. Dengan penuh harapan agar makalah ini menjadi rujukan dan maklumat yang sangat bermakna kepada warga Pusat Islam dan Universiti amnya.

Akhir kalam, terima kasih tidak terhingga kepada Pengarah dan Timbalan Pengarah Pusat Islam dan serta rakan-rakan seperjuangan terutamanya Ustaz Mohd Hafizhuddin yang bertungkus lumus untuk menjayakan makalah ini. Seterusnya warga Pusat Islam yang sentiasa memberikan kritikan membina dan tunjuk ajar yang memberangsangkan sepanjang pengumpulan dan penulisan makalah ini berlangsung. "HIDUP BIARLAH BERJASA KEPADA AGAMA, NEGARA DAN UMMAH"

Al-Faqir Ila Allah,
Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady

Isi Kandungan

Sidang Editorial	2
Kalam Pengarah	2
Tinta Ketua Editor	3
Isi Kandungan	3
Cara Kita Berhibur	4
Sudut Kenal Staf : Ustaz Ben	6
Kem Bestari Fardu Ain	7
Program Ibadah Korban	8
Seminar Keluarga Bahagia "Suami Berhemah, Isteri Peramah"	9
Dimensi Hukum Muzik dan Nyanyian	10
Majlis Permuafakatan Asyura	12
Lawatan Penanda Aras ke Pusat Islam UMP, UMT Dan KUIPSAS	13
Staf Pusat Islam Terima Anugerah Jasa Universiti	13
Pelancaran "e-sedekah@umk"	14
Program Diskusi Buku "A-Z Tentang Solat"	14
Program Bantuna Kupon Makanan Pelajar Umk	15
Lawatan Pengarah Pusat Islam USIM Ke Pusat Islam UMK	15
Bengkel Perancangan Strategik Pusat Islam 2019	16
Penyertaa Pusat Islam UMK Dalam Seminar Syarie	16
Majlis Apresiasi Staf Pusat Islam	17
Sumbangan Kelab Kebajikan Staf Pusat Islam (KPI) ke Kediaman Ustaz Zakwan	17
Solat Hajat Sempena Istiadat Konvokesyen UMK kali ke-8	18
Bacaan Doa Istiadat Konvokesyen UMK Kali ke-8	18
Program Gerobok Makanan Pusat Islam	19
Iftor 10 Muhamarram	19

Cara Kita BERHIBUR

Oleh : Azhar bin Muhammad

Salah satu unsur yang boleh membawa seseorang melakukan perkara terlarang jika tidak mengikut panduan sebenar yang ditetapkan oleh syariat ialah cara seseorang berhibur. Dunia kini boleh dikatakan era meletakkan hiburan sebagai suatu kemestian. Pihak-pihak tertentu khususnya yang terlibat secara langsung dalam industri hiburan sentiasa merangka pelbagai agenda bagi mempromosikan pelbagai bentuk hiburan. Bahang propaganda hiburan dirasai oleh pelbagai peringkat umur dan golongan; tidak kira sama ada muda atau tua, miskin atau kaya, orang kampung atau kota, menganggur atau bekerja, dan orang berpelajaran atau tidak. Lebih malang lagi hiburan yang dipromosikan bukan lagi setakat hiburan biasa tetapi telah sampai kepada peringkat yang melampau atau dikenali dengan istilah hedonisme.

Cepat dan sampainya bahang pelbagai bentuk hiburan ini tidak lain adalah disebabkan dunia sekarang dunia era gajet, SMS, *twitter*, *whatsapp*, *instagram* dan sebagainya yang memudahkan penyaluran maklumat di hujung jari dalam hanya beberapa saat sahaja. Maka tidak hairan kita lihat gejala promosi ke arah suka berhibur telah menjadi satu sindrom kepada kebanyakan orang tidak kira apa statusnya hatta orang-orang yang terpelajar sekali pun. Justeru pelbagai bentuk hiburan terutamanya nyanyian dengan mudahnya dapat dibawa masuk ke institusi-institusi pendidikan, walaupun ia sinonim dengan gedung ilmu dan penghuninya terdiri dalam kalangan orang terpelajar.

Kenapa manusia sukakan kepada hiburan? Adakah hiburan adalah sesuatu yang dilarang dalam Islam? Sudah termaklum bahawa berhibur adalah fitrah semula jadi manusia, disenangi oleh naluri insan. Ia juga berperanan sebagai saluran kreativiti seseorang manusia, mempunyai elemen-elemen keindahan seni, kehalusan bahasa dan keunikian budaya manusia yang mampu mententeramkan jiwa dan mendatangkan kegembiraan kepadanya. Jadi Islam sebagai agama fitrah, sudah tentu tidak menghalang umatnya berhibur, namun perlu dipantau mengikut syariat yang ditetapkan oleh Islam.

Syariat Islam adalah satu bentuk cara hidup yang ditentukan oleh Allah untuk menjamin keselarian hidup manusia dengan kehendak fitrah kejadian manusia itu sendiri. Justeru syariat bukan disediakan untuk menyekat kebebasan manusia tetapi berperanan mengawal dan mendidik manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Konsep berhibur dalam Islam tidak lain untuk mententeramkan jiwa, menenangkan fikiran dan merehatkan rohani serta jasmani.

Memang Islam mengharuskan hiburan kerana ia menjadi sebahagian daripada fitrah kehidupan manusia, Islam tidak melarang seseorang itu untuk berhibur. Ada ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan perkara hal berhibur ini secara langsung dan tidak langsung. Firman Allah di dalam surah al-Jumaah (62:11) yang bermaksud:

“Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baru tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (di atas mimbar berkhutbah). Katakanlah (wahai Muhammad: pahala - balasan) yang ada di sisi Allah, lebih baik daripada hiburan dan barang-barang perniagaan itu; dan Allah sebaik-baik Pemberi rezeki.”

Ayat ini menceritakan orang ramai yang sedang mendengar khutbah Jumaat, meninggalkan Rasulullah SAW dan pergi kepada medan niaga di samping mendengar nyanyian yang menggembirakan (*al-lahwu*), namun demikian al-Quran tidak mengatakan *al-lahwu* itu tidak dibenarkan, begitu juga dengan Rasulullah SAW yang dilihat tidak menempelak perbuatan sedemikian.

Manakala hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah RA yang bermaksud:

“Rasulullah SAW telah masuk (menemui aku), ketika itu dua orang jariah (budak perempuan) sedang menyanyi (memperingati perang) Ba'ath. Baginda (mendengar nyanyian) sambil berbaring di tempat baringku dan dipalingkan mukanya. (Tiba-tiba) masuk Abu Bakar r.a serta menegurku dengan katanya serunai syaitan di sisi Nabi SAW. Rasulullah SAW berpaling kepada Abu Bakar sambil berkata: Biarkan mereka menyanyi. Apabila keadaan Rasulullah SAW agak selesa, aku mengisyaratkan dengan mataku kepada dua penyanyi tadi maka mereka pun berhenti menyanyi dan keluar (meninggalkan kami). (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadir sahih ini jelas menunjukkan nyanyian itu diharuskan. Kalau tidak tentulah Rasulullah SAW tidak akan membiarkan nyanyian tersebut, walaupun ditegur oleh Abu Bakar tetapi Nabi SAW tetap meminta agar dibiarkan keadaan sedemikian. Ini antara hujah yang digunakan oleh ulama yang mengharuskan nyanyian.

Persoalannya sekarang, bagaimanakah bentuk berhibur yang dikatakan selaras dengan apa yang digariskan oleh syariat Islam? Apakah hiburan tersebut benar-benar mententeramkan jiwa kita dan tidak mengandungi unsur-unsur dosa yang mengundang kemurkaan Allah? Jika kita lihat kepada realiti bentuk hiburan hari ini, rata-rata dilihat atau boleh dikatakan sebahagian besarnya tidak dapat mencapai matlamatnya yang sebenar seperti yang dikehendaki oleh syarak. Hiburan yang diamalkan sekarang bukan sahaja tidak dapat memberikan ketenangan jiwa, malah telah mencetuskan keceluaran di dalam kehidupan manusia kerana ia semata-mata bertujuan memenuhi tuntutan nafsu, melalaikan, melampaui batas dan ternyata boleh terdorong kepada pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan, yang lebih banyak mengundang dosa, mungkar dan maksiat.


Nyanyian adalah salah satu bentuk hiburan yang dimomokkan pada hari ini secara berleluasa dalam masyarakat. Profesor Dr. Yusuf al-Qaradhwai menyatakan bahawa antara hiburan yang dapat menghibur jiwa, menenangkan hati serta menyedapkan telinga adalah nyanyian. Namun begitu menurut beliau, pada masa kini konsep hiburan semakin meluas dan bercampur aduk dengan perkara yang melalaikan serta perkara yang diharamkan.

Memandangkan cara berhibur yang berleluasa pada hari ini dalam kalangan masyarakat, maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan garis panduan hiburan dalam Islam (edisi kedua), diperakukan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015. Antara yang disebut dalam garis panduan tersebut ialah nyanyian dan yang berkaitan dengannya. Dinyatakan dalam garis panduan tersebut bahawa nyanyian yang diharuskan ialah senikatanya baik, tidak luah, tidak biadap dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah. Manakala nyanyian yang dilabelkan haram pula ialah yang sebaliknya. Dalam acara nyanyian; gerak laku, lagu, kata-kata dan sebagainya tidak mengandungi simbol-simbol yang dapat ditafsirkan secara tersurat atau tersirat yang bertentangan dengan ajaran dan nilai-nilai Islam; berinteraksi dengan penonton secara sopan sama ada melalui perkataan atau perbuatan; persembahan diadakan dalam keadaan yang terkawal; dan tingkah laku tidak liar serta melampaui batas.

Ada pun lirik lagu yang dipersembahkan pula mengandungi kebaikan dan nilai-nilai murni; memberi kesedaran dan membawa kepada keinsafan; selari dengan adab kesopanan; tidak mengandungi pemujaan kepada makhluk dan peribadi lain; tidak mengandungi unsur luah, membangkitkan nafsu; juga tidak mengandungi unsur maksiat atau membawa kepada pelakuan yang diharamkan; dan tidak mengandungi unsur penghinaan, cacian, fitnah dan merendah-rendahkan seseorang. Lebih jelas lagi, senikata lagu mestilah tidak melalaikan, tidak bertentangan dengan aqidah dan syariat Islam, tiada unsur maksiat seperti memuja kecantikan wanita, menganjurkan hubungan bebas muda-mudi dan perlanggaran syariat. Cantik sekali sekiranya senikata lagu tersebut dapat mengajak pendengar atau penonton kepada cintakan Allah dan Rasul, mengingatkan kepada hari akhirat, hari kebangkitan, syurga neraka, halal haram dan lain-lain yang dapat menambahkan ketakwaan seseorang kepada Allah SWT.

Jika ada unsur tarian pula dalam persembahan; maka perlulah dipastikan juga selari dengan kehendak syarak dan masyarakat setempat; penampilan diri tidak bercanggah dengan kehendak Islam; bukan gerak tari yang boleh menimbulkan fitnah seperti gerak laku yang memberahi dan menghairahkan, dan berlaku percampuran melampaui antara lelaki dengan perempuan dalam satu-satu persembahan yang boleh menimbulkan fitnah.

Garis panduan juga disediakan untuk artis yang membuat persembahan. Pihak yang menganjurkan aktiviti nyanyian ini perlu memastikan artis jemputan mereka memahami garis panduan ini. Artis perlu menonjolkan peribadi dan akhlak yang mulia; bukan sahaja semasa persembahan dibuat, malah ketika berada di luar persembahan dari aspek penampilan, pemakaian dan tidak ada isu-isu sensitif yang dilakukan, seperti juga tidak pernah disabitkan dengan mana-mana kesalahan jenayah sama ada di bawah undang-undang syariah atau sivil. Penampilan artis tersebut hendaklah nampak sopan dan beradab berpakaian menutup aurat, kemas dan sopan serta tidak bercanggah dengan kehendak Islam; begitu juga dengan dandan rambut yang tidak menyerupai jantina yang berlainan; manakala hiasan dan dandan hendaklah pada kadar yang sederhana sesuai dengan uruf atau budaya semasa masyarakat.



Sebenarnya garis panduan ini perlu diketengahkan oleh mana-mana agensi atau institusi yang ingin menganjurkan program hiburan. Dasar kebudayaan dan kesenian perlu diwujudkan di mana-mana institusi dan perlu selari dengan apa yang dinyatakan dalam garis panduan hiburan yang dinyatakan oleh pihak JAKIM kerana dasar ini menjadikan Islam dan budaya Melayu sebagai asasnya. Garis panduan ini juga perlu ada khususnya di institusi-institusi pendidikan yang rata-rata dimaklumi ramai sebagai institusi yang kaya dengan elemen keintelektualan yang bertindak sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang dipenuhi oleh golongan masyarakat ilmuwan.

Kita sedia maklum semua orang sukaan hiburan kerana fitrah kita sebagai seorang manusia. Cuma sejauh mana kita dapat melayani keinginan berhibur kita agar menepati garis panduan yang dinyata sebelum ini. Tambahan pula realiti bagi sebuah institusi pendidikan yang dikenali oleh masyarakat sebagai golongan yang dekat dengan ilmu. Adakah kita juga ingin membawa budaya berhibur yang tidak diizinkan oleh syariat dibawa masuk ke dalam gedung yang sarat dengan ilmu? Adakah kita sanggup mencalarkan imej orang yang berilmu hanya dengan hiburan sedemikian? Ambillah sikap seperti yang diajar oleh Allah dalam menangani isu ini iaitu dengan segera berpaling meninggalkannya kerana Allah menggelarkan orang yang sedemikian dengan "orang yang jahil". Maksud firman Allah dalam surah al-Qasas (28:55):

"Dan apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia, mereka berpaling daripadanya sambil berkata: "Bagi kami amal kami dan bagi kamu pula amal kamu; selamat tinggal kepada kamu; kami tidak ingin berdamping dengan orang-orang yang jahil."

SUDUT

Kenali Staf

Sudut kenali staf PIUMK memperkenalkan Mohd Binyamin bin Che Yaacob. Beliau mula berkhidmat di UMK pada 2 September 2007 sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam. Pendidikan menengah beliau ialah di Maahad Muhammadi Tumpat pada tahun 1996 sehingga 2002 sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma di Darul Quran JAKIM syukbah Tahfiz dan Qiraat dalam bidang Al-Quran dan Sunnah bermula 2003 sehingga 2006. Pada tahun 2008, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Al-Quran dan Sunnah. Setelah itu beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Master di Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang Islam dan Kontemporer di bawah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah pada tahun 2013. Sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, beliau diamanahkan sebagai Ketua Unit Zakat Kebajikan dan Keusahawanan untuk menjalankan pengurusan zakat UMK dari aspek kutipan dan agihan kepada asnaf dalam kalangan pelajar dan staf UMK. Beliau juga menjalankan aktiviti keusahawanan dengan menjalankan beberapa aktiviti perniagaan untuk meningkatkan dana kebajikan Pusat Islam. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai Ketua Kelab Kebajikan Staf Pusat Islam (KPI) dan Presiden Kelab Kebajikan Staf UMK (KKSU). Beliau juga aktif dalam masyarakat sebagai penceramah undangan di masjid-masjid sekitar Tumpat dan menubuhkan Pusat Pengajian Tahfiz dan Qiraati An-Naajah Tumpat. Usaha dakwah beliau menjadi peransang kepada staf PIUMK untuk lebih mendekati warga UMK dan masyarakat dalam menjadi pendidik yang disenangi.

Sebagai ingatan kepada kita, walau pun asal hukum berhibur itu harus di sisi Islam, janganlah pula untuk tujuan berhibur menyebabkan kita lalai dan melampaui batasan hingga hak-hak Allah dan kewajipan yang lain terabai. Jangan kerana inginkan hiburan yang bersifat sedemikian, atau ingin mendapat pelanggan yang ramai, atau ingin mendapat keuntungan lebih, maka kita sanggup gadaikan imej keintelektualan kita sebagai ilmuwan. Sebagai peringatan juga, tidak harus untuk berhibur jika sampai melalaikan kita mengingati Allah, sampai meninggalkan solat, sampai mengabaikan mana yang halal dan haram, sampai tidak menghiraukan mana yang mendatangkan pahala dan dosa. Janji Allah kepada orang-orang yang beriman bahawa ketenangan jiwa yang sebenar akan diperoleh oleh orang yang sentiasa ingat kepada-Nya. Itulah cara yang terbaik yang boleh mendamaikan jiwa seperti mana firman Allah dalam surah al-Ra'd (13:28) yang bermaksud:

"(iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia."

"Kita sedia maklum semua orang sukaan hiburan kerana fitrah kita sebagai seorang manusia. Cuma sejauh mana kita dapat melayani keinginan berhibur kita agar menepati garis panduan yang dinyata sebelum ini "

Yakinlah, semakin banyak kita mengingati Allah, fikiran kita menjadi semakin tenteram, jiwa semakin bahagia kerana mengingati Allah terkandung nilai-nilai ketakwaan dan kebergantungan diri kita hanya kepada Allah SWT. Tiada lagu, tiada nyanyian dan tiada hiburan yang paling mudah disebut, paling ringan diungkap melainkan zikir kepada Allah SWT. Itulah cara kita berhibur!

**USTAZ
BEN**




**USTAZ MOHD BINYAMIN BIN
CHE YAACOB**

Penolong Pegawai Hal
Ehwal Islam

KEM BESTARI FARDU AIN

BACHOK 6 Disember 2018 - Pusat Islam (UMK) dengan kerjasama Kelab Kebajikan Staf Universiti (KKSU) telah menganjurkan Kem Bestari Fardu Ain selama dua hari yang telah diadakan di Pusat Islam, UMK Bachok, Tangok, Kelantan, pada 2 hingga 3 Disember 2018. Menurut Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, mencontohi sunah baginda bererti mengamalkan semua aspek kehidupan Baginda yang menjadi amalan dalam kehidupan yang sesuai diamalkan oleh umat Islam. Justeru, Pusat Islam mengambil inisiatif menganjurkan Kem Bestari Fardu Ain dengan matlamat membimbing generasi muda seawal usia enam tahun sehingga 12 tahun bagi menguasai ilmu fardu ain dengan memberi penekanan dalam aspek cara mengambil wudhu yang betul dan solat seperti mana amalan Rasulullah SAW. "Peserta juga diperkenalkan dengan memahami konsep sanad azan yang sampai kepada Saidina Bilal bin Rabah bagi melahirkan muazzin cilik yang sebenar sesuai dengan kehendak Islam. "Selain itu terdapat pertandingan azan merdu, pertandingan bercerita kisah Rasulullah SAW, bacaan dan hafazan surah-surah lazim, pertandingan hafazan al-Qu'ran, kuiz dan sebagainya," katanya. Semenara itu, Pengarah Program Kem Bestari Fardu Ain, Ustaz Mohd Binyamin Che Yaacob, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam berkata, kem kali ini mendapat sambutan luar biasa daripada anak-anak staf dan masyarakat setempat walaupun pertama kali diadakan. Katanya, pengisian kem berbentuk islamik dan kerohanian ini selaras dengan saranan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' (Dr.) Hussamuddin Hj Yaacub dalam menerapkan nilai-nilai rohani dan agama kepada masyarakat dan warga UMK. "Peserta kem seramai 150 orang terdiri daripada anak-anak staf dan komuniti setempat sekitar Bachok yang dikendalikan oleh 20 pelajar UMK yang memiliki latar belakang Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dibawah bimbingan staf Pusat Islam selaku fasilitator. "Program kem seumpama ini wajar diteruskan bagi mendekatkan lagi universiti dengan masyarakat setempat dengan meletakkan sasaran kepada kanak-kanak sebagai satu usaha terbaik mendidik generasi muda untuk mencintai keperibadian mulia Baginda SAW," jelasnya.





Program IBADAH KORBAN

BACHOK 23 Ogos - Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berkongsi kemeriah sambutan Aidil Adha dengan mengagihkan sebanyak 180 bungkusan daging korban kepada 100 staf, 50 komuniti Kampung Mukim Neman dan 30 sukarelawan sebagai pengisian Program Ibadah Korban 1439H yang kali kedua di adakan di Perkarangan Masjid UMK Bachok, pada 23 Ogos 2018. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, berkata, sebanyak empat ekor lembu korban yang disertai oleh staf dan orang lur dan program agihan itu dibuat sebaik sahaja selesai aktiviti menyembelih, gotong-royong melapah daging dan membungkus yang bermula pukul 8.00 pagi dan berakhir pukul 11.00 pagi. Katanya, seramai 30 sukarelawan terdiri daripada staf Pusat Islam, UMK dan penduduk kampung Mukim Nemang terlibat pada gotong-royong tersebut. "Pembahagian sumbangan kepada staf ini dibuat berdasarkan daripada kupon kepada staf setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkelayakan termasuklah pekerja am kontraktor. Manakala 50 bungkusan daging diagihkan kepada ahli jawatankuasa masjid Mukim Neman untuk dibahagikan kepada penduduk setempat," katanya. Menurut beliau lagi, program ibadah korban 1439H ini adalah inisiatif berterusan Pusat Islam bertujuan menghidupkan suasana dan amalan ibadah korban di bulan Zulhijah yang mulia. "Selain itu, program ini juga dapat memupuk perasaan persaudaraan dan hormat-menghormati di antara warga UMK dengan masyarakat. "Ini secara tidak langsung dapat melahirkan rasa cinta dalam warga UMK terhadap majlis-majlis keagamaan sejarar dengan tuntutan agama. Sementara itu, Prof. Madya Dr. Azhar menyifatkan kejayaan pengenalan skim potongan gaji ibadah korban yang buat kali kedua diperkenalkan sejak tahun lalu sedikit sebanyak dapat membantu memberi kemudahan kepada staf untuk melaksanakan ibadah korban. "Skim yang diperkenalkan sejak tahun 2017 itu membolehkan semua staf mengambil bahagian dalam ibadah korban dengan bayaran potongan gaji sebanyak RM100 sebulan bermula awal Januari 2018. "Kita harap staf lebih ramai staf dapat mengambil bahagian pada program ibadah korban menerusi skim potongan gaji pada tahun hadapan dan kami mengalu-alukan program ini diadakan dengan lebih besar merangkumi staf, pelajar dan penduduk tempatan," katanya.





SEMINAR KELUARGA BAHAGIA “SUAMI BERHEMAH, ISTERI PERAMAH”

PENGKALAN CHEPA 20 September 2018 - Pusat Islam UMK dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dan Kelab Kebajikan Staf UMK (KKSU) telah menganjurkan Seminar Keluarga Sakinah yang bertajuk “Suami Berhemah Isteri Peramah” bertempat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Kota Bharu, Kelantan. Seminar ini telah disertai kira-kira 350 orang peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar UMK, 30 agensi, jabatan Kerajaan Negeri Kelantan dan Institute Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Kelantan. Antaranya Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bachok (IKTBN), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Kejururawatan Kubang Kerian, wakil-wakil Pejabat Agama Jajahan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Nilam Puri dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Seminar telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah (Operasi) JAHEAIK, Dr Hasnan Hj Ramli, program ini diadakan bertujuan memberi pemahaman dan pendedahan kepada para peserta, khususnya yang telah berumahtangga, tentang ilmu berkaitan memperkuuhkan kerukunan alam perkahwinan yang menepati konsep yang disebut sebagai *Mawaddah wa Rahmah*. Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Hj Nik Abdul Kadir Hj. Nik Mohamad, Pendaftar UMK, En. Pauzi Pak Chu dan Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad. Sementara itu, tajuk ceramah yang dibincangkan pada seminar julung kali diadakan itu ialah “Indahnya Berpasangan” yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Azhar Bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK, tajuk slot kedua ialah “Suami Handsome, Isteri Awesome” oleh Ustaz Haji Mohd Suhaimi Mohamed iaitu Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam JAHEAIK. Manakala ceramah ketiga bertajuk “Sihir Dalam Rumah Tangga” yang disampaikan oleh Dato' Haji Nik Abdul Kadir bin Haji Nik Mohamad. Menurut Dr Hasnan, institusi kekeluargaan merupakan asas pembangunan sebuah negara yang maju, bermaruah dan dihormati. Beliau berkata lagi, kehidupan berumah tangga yang dibina perlu berasaskan nilai-nilai murni sebagaimana yang ditonjolkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana rumah tangga yang bahagia dan sempurna akan mampu menjamin lahirnya suami, isteri, ibu bapa serta anak-anak yang berkualiti. Dalam pada itu, Pendaftar UMK, En. Pauzi berkata, seminar ini diharapkan memberi kefahaman dan penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan berumah tangga agar mereka dapat melaksanakan tuntutan dan perintah Allah SWT dengan sebaik mungkin. Manakala Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata, Pusat Islam UMK akan sentiasa turut bersama dengan semua pihak bagi menerangkan kepada masyarakat tentang kepentingan hidup berkeluarga sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Pusat Islam UMK akan meneruskan tradisi bekerjasama dengan jabatan-jabatan negeri, NGO dan pusat bagi meningkat kesedaran ajaran Islam dalam amalan berkeluarga di masa-masa akan datang. Beliau mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak JAHEAIK yang sudi berkalaborasi dengan Pusat Islam UMK menjayakan seminar ini.



DIMENSI HUKUM Muzik & Nyanyian

Oleh : Mohd Zain bin Mubarak

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang sesuai dengan fitrah dan mencakupi segala aspek yang berkaitan dengan panduan dan pegangan kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah ayat 3 yang bermaksud

"Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmatKu, dan telah Aku reda Islam itu menjadi agama bagimu".

Manusia secara fitrah dianugerahkan Allah s.w.t dengan naluri yang memerlukan kepada sesuatu yang boleh memberi ketenangan dan kerehatan minda. Salah satu medium yang popular dalam memenuhi tuntutan tersebut dari sudut hiburan adalah melalui muzik dan nyanyian. Namun begitu, hukum dan batasan yang jelas terhadap muzik dan nyanyian masih menjadi kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam. Al-Quran sebagai sumber hukum yang utama tidak menyebut secara khusus mengenai hukum muzik dan nyanyian. Hal ini hanya dinyatakan dalam beberapa buah hadith Rasulullah SAW dan mempunyai beberapa pendapat dalam kalangan ulama sejak dahulu dan berlarutan dalam masyarakat Islam sehingga kini.

PANDANGAN ULAMA MENGENAI HUKUM MUZIK DAN NYANYIAN

Ulama berbeza pendapat mengenai hukum muzik dan nyanyian berdasarkan kepada nas dan pemahaman seperti berikut;

Pendapat Yang Mengharamkan

Ulama salaf seperti Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Malik, Imam al Syafie dan ulama khalaf seperti Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (al-Jawziyyah.1992) dan Muhammad Nasiruddin al-Albaniy berpendapat bahawa hukum muzik dan nyanyian adalah haram. Pandangan mereka berdasarkan kepada al-Quran dalam surah Luqman ayat 6 yang bermaksud;

"Dan ada di antara manusia, orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna untuk menyesatkan (manusia) dari agama Allah tanpa pengetahuan, dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejek-ejekan, merekalah orang yang beroleh azab yang menghina"

Mereka juga berpegang kepada hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Shawkaniy (al-Shawkaniy.1993) yang bermaksud;

"Sesungguhnya akan ada sebahagian dari kalangan umatku yang menghalalkan zina, sutera, (bagi lelaki) arak dan muzik. Dan beberapa golongan akan pergi ke tepi bukit yang tinggi kemudian dikunjungi oleh gembala-gembala kambing dengan ternakan kerana satu tujuan, maka mereka berkata; Datanglah kepada kami esok hari. Pada malamnya Allah binasakan mereka dan menghempaskan bukit itu ke atas mereka. Manakala yang terselamat dari hampatan bukit itu Allah tukarkan rupa mereka menjadi monyet dan babi sehingga hari kiamat"

Golongan ini berpendapat bahawa "lahw al-hadith" atau yang diterjemahkan sebagai perkataan yang tidak berguna itu bermakna muzik dan nyanyian kerana ianya boleh melalaikan manusia daripada mengingati Allah. (Ibn Qayyim.1992) Manakala perkataan "al Ma'azif dalam hadith di atas yang diterjemahkan sebagai muzik adalah bermaksud alat muzik oleh Ibn Arabiy, manakala al-Qurtubi mengatakan ianya adalah nyanyian. (al Shawkaniy, 1993). (Al-Ma'azif adalah alat muzik yang berasaskan petikan tali dan al-Mizmar pula berasaskan tiupan, manakala al-Duf pula sejenis gendang atau kompong)

Pendapat Yang Mengharuskan

Antara ulama yang mengharuskan muzik dan nyanyian ialah Ibn Hazm, al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradhwai. Mereka memberikan pentafsiran yang berbeza terhadap dalil yang digunakan oleh golongan yang mengharamkan muzik dan nyanyian.

Ibn Hazm mentafsirkan perkataan yang tidak berguna itu adalah ungkapan kasar yang bermaksud mencela atau memaki dan bukannya bermaksud nyanyian. Orang yang bermati menikmati nyanyian untuk melakukan maksiat dan melalaikan adalah berdosa. Sebaliknya jika diniatkan untuk memberi ketenangan dan dapat membantu ke arah ketaatan kepada Allah maka ianya diharuskan (Ibn Hazm. T.t). Begitu juga dengan perbuatan lain di mana semuanya bergantung kepada niat. Ini berdasarkan kepada hadith riwayat Bukhari dan Muslim yang bermaksud "*Sesungguhnya setiap kerja yang dilakukan itu adalah bergantung kepada tujuan dan niat perbuatannya....*"

Walau bagaimanapun perlu difahami bahawa dalam Islam niat tidak menghalalkan cara. Justeru itu, hiburan, nyanyian atau pun muzik dalam Islam adalah jelas tertakluk kepada ketetapan syarak seperti batasan aurat, pergaularan dan seumpamanya.

PERSOALAN HUKUM MUZIK DAN NYANYIAN MASA KINI

Islam sama sekali tidak mengharamkan hiburan, kerana ia merupakan salah satu keperluan naluri manusia seperti yang dinyatakan di atas. Namun persoalannya apakah bentuk muzik atau nyanyian masa kini yang menepati syariat Islam. Permasalahan ini perlu dilihat kepada beberapa aspek yang berkaitan iaitu instrumen muzik, lirik, penyanyi dan juga persekitaran bagi mendapat gambaran yang jelas mengenai bentuk nyanyian yang diharuskan dalam Islam.



Instrumen Muzik

Merujuk kepada perbahasan ulama fiqh klasik, sebahagian besar instrumen muzik yang wujud pada hari ini adalah haram. Walau bagaimanapun, pendapat mereka ini adalah berdasarkan kepada budaya masyarakat dan pemikiran ulama pada masa itu, di mana instrumen tersebut biasanya dimainkan di dalam sesuatu majlis maksiat yang melibatkan minuman keras dan pelayan wanita yang tidak sopan serta melanggar batas syarak. Ini telah mewujudkan suatu tanggapan bahawa peralatan muzik tersebut adalah haram. Salah satu kaedah fiqh iaitu "*al Asl fi al-Ashya' al-Ibahah*" yang bermaksud "*Setiap sesuatu itu hukum asalnya adalah harus*" boleh dijadikan sandaran bahawa semua instrumen muzik itu hukumnya adalah harus. Ianya boleh berubah menjadi makruh atau haram bergantung kepada tujuan penggunaannya.

Berdasarkan kaedah ini, instrumen muzik bukanlah sesuatu yang penting dalam menentukan hukum nyanyian dalam Islam.

Lirik

Kebanyakkan lirik lagu yang sering diperdengarkan dan diminati ramai adalah berorientasikan cinta dan wanita. Ianya tidak bertepatan dengan tuntutan Islam yang menganjurkan supaya mendengar serta menghayati lirik lagu yang boleh memberi nasihat, bimbingan dan peringatan terhadap peranan dan kedudukan manusia di sisi Allah s.w.t. Antara contoh beberapa buah lagu selain nasyid yang mempunyai elemen ketuhanan dan nasihat berguna seperti "*Anugerah*" (*Wings*), "*Perjalanan Hidup*" (*Ramli Sarip*) dan "*Tetamu Senja*" (*Kopratasa*) yang mempunyai mesej yang cukup baik kepada pendengar. Namun ini hanya sebilangan kecil sahaja berbanding longgokan lagu bertemakan cinta dan wanita yang meniti di bibir masyarakat.

Penyanyi dan Penampilan

Penyanyi menjadi pujaan daripada golongan kecil sampai dewasa. Mereka sering menjadi perhatian dan mendapat kedudukan yang istimewa di hati peminat dan masyarakat. Seorang penyanyi haruslah boleh membimbang dan menjadi *role model* yang baik kepada masyarakat khususnya generasi muda, penyanyi yang faham tentang batas-batas agama dan mengaplikasikannya dalam kehidupan. Islam menerima perkembangan fesyen dan perhiasan, asalkan tidak melanggar batasan syarak. Secara umumnya penyanyi lelaki tidak mempunyai masalah dari sudut hukum. Apa yang menjadi isu adalah persembahan artis atau penyanyi wanita. Pelaksanaan terbaik dari sudut Islam ialah mengelak daripada melibatkan artis wanita kerana dikhawatir menimbulkan fitnah dan unsur yang tidak baik kecuali persembahan tertutup dan khusus kepada wanita sahaja. Itu pun masih tertakluk kepada etika dan adab berpakaian dan persembahan yang tidak melanggar batas syariat. Begitu juga sewaktu persembahan melibatkan penyanyi dan juga penonton perlu berada dalam keadaan tertib dan beradab. Apa yang penting hiburan melalui persembahan nyanyian ini bukan semata-mata untuk mendapatkan ketenangan dan kesukaan jiwa, tetapi juga mempunyai mesej yang positif kepada pendengar.

Persekitaran dan Pelaksanaan

Aspek persekitaran juga menjadi kayu pengukur bagi mengharuskan sesuatu persembahan atau konsert. Kedudukan penonton yang diasingkan antara lelaki dan wanita serta yang berkeluarga adalah sangat baik dan bertepatan dengan budaya Islam. Ini dapat membantu mengelakkan berlakunya sebarang bentuk maksiat serta pergaularan bebas sewaktu persembahan berlangsung. Keadaan bersesak-sesak dan menari antara lelaki dan wanita adalah salah di sisi agama.

Sekalipun sesuatu persesembahan itu dalam bentuk amal atau dipersembahkan dengan agak sopan oleh artis di atas pentas namun keadaan penonton juga perlu dalam keadaan sopan dan beradab. Kesesuaian waktu dan kemudahan tempat juga penting supaya penonton tidak mengabaikan tanggungjawab mereka seperti kewajipan menunaikan solat.

Muzik dan Nyanyian Salah Satu Cabang Kesenian

Menurut Yusuf al-Qaradhawi, muzik dan nyanyian adalah tergolong dalam salah satu cabang seni dan telah membincangkannya dengan panjang lebar dalam bukunya yang berjudul *al-Islam wa al-Fann* ataupun Islam dan Kesenian. Beliau menggambarkan kesenian muzik dan nyanyian itu seperti nilai kesenian terhadap lukisan, pemandangan serta bunyian alam semula jadi yang boleh menyenangkan hati dan perasaan manusia apabila melihat atau mendengarnya. Sehubungan dengan itu tidak hairanlah pandangan beliau tersebut lebih cenderung dalam mengharuskan muzik dan nyanyian asalkan ianya terpelihara daripada unsur maksiat dan yang bertentangan dengan syarak. Kehidupan sehari-hari umat Islam sebenarnya sentiasa berhubung kait dengan kesenian melalui pendengaran dan penghayatannya. Bacaan ayat-ayat suci al-Quran dengan lagu, tajwid dan suara dengan seindah-indahnya oleh qari terbaik, suara azan diperdengarkan dengan lunak dan mendayu lima kali sehari merupakan warisan semenjak zaman kenabian.

Sementara itu doa-doa pula dibaca dengan alunan suara yang menggetarkan hati dan perasaan orang yang mendengarnya. (Yusuf al-Qaradhawi, 1996).

Seni merupakan platform untuk mencapai sesuatu tujuan, maka hukumnya seiring dengan hukum tujuannya. Jika digunakan untuk tujuan yang harus melalui kaedah yang betul, hukumnya adalah harus, dan jika digunakan melalui pendekatan yang bercanggah dengan syarak atau tujuan yang haram, maka haramlah hukumnya.

KESIMPULAN

Hiburan melalui muzik dan nyanyian adalah merupakan sesuatu yang tidak mungkin dapat dipisahkan daripada kehidupan. Kesedaran dan amalan masyarakat terhadap muzik dan nyanyian perlu disuntik dengan kefahaman yang sebenar mengenai konsep hiburan yang dibenarkan dalam Islam.

Sebagai masyarakat Melayu yang telah sinonim dengan Islam kita sebenarnya mampu untuk mengaplikasikan ajarannya dalam segenap aspek kehidupan termasuklah hiburan. Masyarakat, artis, wartawan dan pihak berkuasa boleh berganding bahu dan bersama-sama mengorak langkah ke arah mewujudkan suatu budaya hiburan melalui muzik dan nyanyian yang lebih positif. Cabaran serta halangan ke arah pelaksanaan tersebut adalah merupakan ujian daripada Allah untuk melihat sejauh mana komitmen dan kesungguhan kita dalam menghayati dan mengamalkan suruhan dan menjauhi laranganNya.

BERITA

MAJLIS PERMUAFAKATAN ASYURA

Pada 07 dan 09 Oktober 2018 - telah diadakan Majlis Permuafakatan 'Aasyuura' 1440H bagi UMK Bachok dan kampus Kota. Program tahunan ini telah dianjurkan oleh Pusat Islam dengan kerjasama Kelab Kebajikan Staf Universiti (KKSU). Sebanyak 6 kawah dimasak secara gotong royong bagi setiap kampus bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang . Program ini bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama warga kampus melalui amalan gotong royong memasak bubur asyura.



Pusat Islam UMP

LAWATAN PENANDA ARAS KE PUSAT ISLAM UMT, UMP DAN KUIPSAS



5 & 6 Ogos 2018 – Pusat Islam (UMK) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Islam Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Pahang dan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. Lawatan tersebut disertai oleh 11 orang staf Pusat Islam UMK yang diketuai oleh Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, Timbalan Pengarah Pusat Islam, Prof Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak dan sembilan staf Pusat Islam. Menurut Pengarah Pusat Islam UMK, lawatan sebegini merupakan program tahunan Pusat Islam UMK bagi memberikan ruang kepada staf untuk mempelajari serta menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan hal-hal berkaitan penganjuran program atau aktiviti dan pengurusan Pusat Islam. Menurut Ustaz Wan Mohd Amir Yusoff Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan merangkap Penyelaras Lawatan Penanda Aras Pusat Islam UMK ke Pusat Islam UMT, UMP dan KUIPSAS menyatakan bahawa banyak yang dapat dipelajari oleh staf Pusat Islam UMK semasa lawatan tersebut walaupun masa agak singkat.

STAF PUSAT ISLAM TERIMA ANUGERAH JASA UNIVERSITI



KOTA BHARU, 11 Julai 2018 - Universiti Malaysia Kelantan telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 yang telah diadakan dengan jayanya di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini Bin Omar, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan. Seramai 4 orang staf Pusat Islam telah menerima Anugerah Jasa Universiti (AJU) iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak, Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob, Ustaz Nik Idham Shah bin Nik Mohamed, dan Ustaz Khairudin bin Mat Lazim.



PELANCARAN “e-sedekah@umk”

PENGKALAN CHEPA, 5 November 2018 - Pusat Islam UMK telah melancarkan sistem "e-sedekah@umk" bagi kemudahan orang ramai terutama warga universiti menyalurkan derma mereka kepada golongan memerlukan. Sistem itu diaplikasikan dengan mengimbas kod maklum balas pantas (QR) yang terdapat di sekitar UMK menggunakan telefon pintar dengan memuat naik aplikasi pengesan bar kod. Naib Canselor UMK, Prof Dato' Dr Husaini Omar telah berkata, sistem yang dilaksanakan di bawah Pusat Islam UMK dihubungkan dengan bank untuk tujuan keselamatan dan Bank Muamalat dipilih bagi kerjasama itu. program ini diperkenalkan bagi memudahkan cara bersedekah tanpa mendedahkan kepada umum mengenai amalan itu serta jumlah sumbangan. Ia juga bertujuan memupuk amalan bersedekah khususnya dalam kalangan warga UMK ini sendiri bagi membantu mereka yang memerlukan.". Beliau berkata, wang yang terkumpul hasil sedekah itu akan digunakan untuk membantu pelajar yang memerlukan serta menyediakan peralatan untuk pembelajaran di UMK. Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya. Dr Azhar bin Muhammad berkata, kaedah bersedekah yang diperkenalkan oleh Unit Zakat Kebajikan dan Keusahawanan ini bertepatan dengan saranan Rasulullah SAW iaitu konsep bersedekah tanpa diketahui umum. Supaya dengan kaedah tersebut, orang yang bersedekah lebih mudah mendatangkan ikhlas dalam hati. Majlis pelancaran yang telah dihadiri oleh 600 orang staf tersebut diakhiri dengan jamuan makan bagi meraikan staf-staf yang mengharumkan nama UMK dalam pelbagai bidang.

PROGRAM DISKUSI BUKU “A-Z TENTANG SOLAT”



JELI, 9 Disember 2018 - Pusat Islam UMK telah mengadakan Diskusi Buku "A-Z Tentang Solat" di Masjid Dr. Tengku Muhammad Fa-Iz Petra, UMK Kampus Jeli. Penceramah jemputan iaitu Dr. Nik Yusri Musa merupakan penulis buku tersebut juga seorang pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) UMK. Program tersebut dihadiri oleh para pelajar seramai 100 orang. Program tersebut membincangkan isu-isu terkini dan kemosykilan yang dihadapi oleh para pelajar terutamanya berkenaan dengan solat ketika sakit, jamak dan qasar dan puasa. Diskusi ini sangat penting kerana ia memberikan peluang dan pendedahan kepada pelajar dengan isu-isu terkini dan persoalan yang sering dihadapi dengan bertanya terus kepada penceramah yang pakar dalam bidang tersebut. Sambutan yang mengalakkan daripada para pelajar dengan interaksi dua hala dengan penceramah. Oleh itu, dengan penuh harapan agar Diskusi Buku ini memberikan manfaat kepada pelajar dalam menjalankan ibadah khususnya solat.





PROGRAM BANTUAN KUPON MAKANAN PELAJAR UMK

Bachok 15 Jun 2018, - Pusat Islam (UMK) telah memberi bantuan kupon makan kepada pelajar yang memerlukan di semua kampus. Program kupon makan merupakan salah satu program Pusat Islam untuk membantu pelajar yang memerlukan dengan memberi bantuan makanan secara percuma setiap kali musim peperiksaan.

Dengan kupon tersebut, pelajar akan dapat menukarannya dengan makanan di kafe-kafe yang telah ditetapkan dalam UMK. Kupon makan yang telah dilaksanakan menggunakan dana Infak melalui sumbangan staf UMK dengan membuat potongan gaji bulanan serendah RM3.00 sebulan dan tanpa had.

Untuk semester Februari 2018, seramai 150 orang pelajar telah mendapat manfaat program kupon makan tersebut yang bermula 15 Jun sehingga 15 Julai 2018. Para pelajar yang terpilih dalam kalangan asnaf melahirkan rasa gembira dan bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada Pusat Islam dan staf-staf yang memberi sumbangan.

Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad Pengarah Pusat Islam UMK dalam ucapannya berkata "Program ini dilaksanakan oleh Pusat Islam memandangkan ramai pelajar datang daripada keluarga yang miskin. Oleh itu, staf UMK bertanggungjawab untuk memberi bantuan kepada mereka sekurang-kurangnya dapat meringankan beban kos makanan harian ketika musim peperiksaan."

Dengan bantuan kupon makan diharapkan pelajar dapat menghadapi musim peperiksaan dengan tenang dan mendapat keputusan yang memberangsangkan untuk kemaslahatan masa depan pelajar.

LAWATAN PENGARAH PUSAT ISLAM USIM KE PUSAT ISLAM UMK

BACHOK, 2 Oktober 2018 - Pusat Islam (UMK) telah menerima kunjung daripada Pengarah Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pengarah Pusat Islam UMK, PM Dr. berkata kunjungan tersebut merupakan aktiviti tahunan Pusat Islam USIM bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta membincangkan program / aktiviti serta perkongsian pengurusan Pusat Islam universiti awam. Beliau berkata, Pusat Islam UMK dan USIM akan cuba merangka beberapa program / aktiviti yang boleh dilaksanakan secara kerjasama dalam bentuk program pembangunan pelajar, staf serta khidmat komuniti. Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, Pengarah Pusat Islam (UMK) mengalu-alukan kunjungan tersebut bagi mengeratkan hubungan dua hala yang terbina ini.



BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK PUSAT ISLAM 2019



BESUT, 17 November 2018 – Pusat Islam (UMK) telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik 2019 di Tanjung Demong Beach Resort Besut Terengganu. Bengkel tersebut telah berlangsung selama 3 hari 2 malam bermula 15 hingga 17 November 2018. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dalam bengkel tersebut antaranya pembentangan laporan pencapaian program dan kewangan Pusat Islam UMK bagi tahun 2018, pembentangan perancangan program unit-unit untuk tahun 2019 dan aktiviti riadah. Menurut Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, bengkel ini perlu diadakan setiap tahun bagi merangka program atau aktiviti bagi tahun hadapan. Beliau berkata, pada tahun 2019, Pusat Islam UMK telah merangka dan akan mengadakan program atau aktiviti di peringkat UMK, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Ustaz Wan Mohd Amir Yusoff, Pegawai hal Ehwal kanan dan penyelaras bengkel tersebut menyatakan bahawa perancangan yang dibuat bagi tahun 2019 agar lebih meluas dan terbuka selari dengan hasrat Pengarah Pusat Islam UMK untuk mempromosikan Pusat Islam UMK dalam dan luar negara.

PENYERTAAN PUSAT ISLAM UMK DALAM SEMINAR FALAK SYARIE



KOMPLEKS KOTA DARULNAIM Isnin, 29 Oktober 2018 - Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad dan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam UMK, Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob telah menghadiri Seminar Falak Syarie 2018 di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim mewakili UMK ke seminar tersebut. Seminar ini telah disertai oleh peserta-peserta daripada seluruh jabatan kerajaan negeri, pusat dan NGO ini dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Seminar yang dirasmikan oleh Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, YB. SS. DATO' HJ MOHAMAD SHUKRI BIN MOHAMAD memberikan pendedahan kepada para peserta berkaitan ilmu falak syarie yang makin dilupai pada hari ini. Dua orang penceramah telah memberikan kupasan yang amat bermakna di dalam seminar tersebut. Kertas kerja pertama dibentangkan oleh Prof Madya Dr. Mat Ropa bin Ismail yang mendedahkan tentang planet bumi berdasarkan kejadian dan kesudahannya menerusi al-Quran dan ilmu Geologi. Kertas kerja kedua pula dibentangkan oleh Tuan Haji Hanafiah bin Abdul Razak, ahli falak terkemuka dari Johor Bahru. Beliau memperkatakan tenang nilai-nilai ulangan gerhana matahari, gerhana bulan dan gempa bumi menurut ulama silam.

MAJLIS APRESIASI STAF PUSAT ISLAM



KOTA BHARU, 20 Oktober 2018 – Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan Majlis Apresiasi kali ke-2 bagi memberi penghargaan serta meraikan staf yang menjalankan tugas dengan cemerlang bagi tahun 2017. Majlis yang telah diadakan di Restoran New Horizon Garden, di hadiri oleh Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK, Prof Madya. Dr. Mohd Zain Mubarak, Timbalan Pengarah Pusat Islam serta semua staf Pusat Islam UMK. Dalam ucapan Pengarah Pusat Islam UMK merakamkan jutaan terima kasih kepada semua staf yang bertungkus lumus membangunkan Pusat Islam UMK. Menurut Penyelaras Majlis Apresiasi Pusat Islam, Ustaz Wan Mohd Amir Yusoff, beberapa kategori anugerah telah disampaikan pada majlis tersebut iaitu Anugerah Staf Berdedikasi 2017 dan Anugerah Pencapaian Cemerlang 2017 telah diberikan kepada Ustaz Mohd Hafizhuddin Mat Naziz, Anugerah Staf Harapan 2017 kepada Ustazah Norma Abdullah.

SUMBANGAN KELAB KEBAJIKAN STAF PUSAT ISLAM (KPI) KE KEDIAMAN USTAZ ZAKWAN




KOTA BHARU, 29 November 2018 – Dalam usaha meraikan staf yang mendapat cahayamata, Kelab Kebajikan Staf Pusat Islam (KPI) mengadakan kunjungan ke kediaman Ustaz Nor Zakwan bin Che Musa di Kampung Jejuluk, Bachok baru-baru ini. Rombongan yang diketuai Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad telah menyampaikan sumbangan kepada beliau. Ustaz Nor Zakwan yang juga Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Pusat Islam UMK Bachok melahirkan rasa syukur dengan kehadiran cahayamata ketiga beliau ditambah lagi dengan sumbangan yang diberikan pada hari tersebut. “Sungguh terkejut dan teruja dengan kahadiran rakan-rakan saya dari Pusat Islam pada hari ini, saya memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT dengan segala nikmat dan pemberian ini,” kata beliau.

Solat Hajat Sempena Istiadat Konvokesyen UMK Kali Ke-8



PENGKALAN CHEPA, 12 Oktober 2018 - Pusat Islam UMK telah mengadakan Majlis Solat Hajat sempena Istiadat Konvokesyen kali ke 8 Universiti Malaysia Kelantan. Majlis tersebut telah dilaksanakan di surau UMK Kampus Kota. Majlis bermula selepas solat Magrib dengan bacaan surah Yasin dan Solat Hajat yang diketuai oleh Pengarah Pusat Islam dengan harapan semoga Majlis Istiadat Konvokesyen kali ke 8 UMK diberkati dan berjalan lancar. Seramai 300 orang pelajar dan staf UMK telah menghadiri majlis tersebut termasuk Naib Canselor UMK, Prof Dat' Dr Husaini Omar dan Pengarah Pesta Konvokesyen Dr. Nazri bin Mahyudin. Dalam ucapannya YBhg Prof. Dato' mengharapkan kerjasama antara seluruh pelajar dan staf UMK untuk menjayakan upacara tahunan yang gilang-gemilang itu. Pelajar dan staf juga diharapkan supaya menyambut ibu bapa dan keluarga pelajar yang akan bergraduasi dengan ramah mesra dan menjaga nama baik UMK. Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya. Dr Azhar bin Muhammad berkata, majlis seperti ini perlu diadakan setiap tahun sebelum Majlis Istiadat Konvokesyen berlangsung kerana kita hanya mampu membuat perancangan, walau bagaimanapun Allah SWT yang menentukan berjaya atau tidak segala usaha kita. Majlis diakhiri dengan jamuan makan kepada semua yang hadir termasuk Jawatankuasa Pesta Konvokesyen UMK (PESKO@UMK).

BACAAN DOA PADA ISTIADAT KONVOKESYEN UMK KALI KE-8



PENGKALAN CHEPA, 13 Oktober 2018 - Universiti Malaysia Kelantan telah mengadakan Istiadat Konvokesyen UMK kali ke-8 bertempat di Dewan Keusahawanan, Kampus Kota. Pusat Islam UMK diberikan amanah sebagai jawatankuasa pembaca al-Fatihah dan pembaca doa konvokesyen sepanjang istiadat berlangsung. Istiadat Konvokesyen kali ini melibatkan 13 sidang dan berlangsung selama 5 hari. Semua staf Pusat Islam UMK terlibat dalam jawatankuasa ini.

Program GEROBOK MAKANAN PUSAT ISLAM

Bachok 15 Julai 2018, Pusat Islam (UMK) - telah mengadakan almari makanan yang dikenali sebagai Gerobok Makan di UMK Bachok, Kampus Kota dan Kampus Jeli. Gerobok Makan tersebut diisi dengan pelbagai makanan untuk membantu pelajar yang memerlukan. Program Gerobok Makan merupakan salah satu program Pusat Islam untuk membantu pelajar yang memerlukan dengan bantuan makanan secara percuma sepanjang musim pengajian. Setiap hari Ahad sepanjang pengajian, pembekal akan mengisi Gerobok Makan dengan pelbagai makanan yang mengenyangkan seperti roti, biskut, kurma dan air kotak. Pelajar yang tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli makanan akan mengambil makanan pada Gerobok Makan tersebut yang ditempatkan di masjid bagi UMK Bachok dan Kampus Jeli serta di surau Kampus Kota. Gerobok Makan yang dilaksanakan oleh Pusat Islam menggunakan dana Infak melalui sumbangan staf UMK dengan membuat potongan gaji bulanan serendah RM3.00 sebulan. Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad Pengarah Pusat Islam UMK dalam ucapannya berkata, "Program bantuan makanan seperti ini amat bermakna kepada pelajar yang memerlukan untuk mendapatkan makanan bagi kelangsungan hidup dalam tempoh belajar di UMK. Namun dana yang terhad menyebabkan makanan yang dibekalkan tidak mencukupi. Oleh itu, semua staf UMK dialu-alukan untuk membuat potongan gaji serendah RM3.00 untuk memperbanyakkan dana Infak sekaligus dapat membekalkan lebih banyak makanan untuk pelajar yang memerlukan di UMK."

IFTOR 10 MUHARRAM

Bachok 20 September, 2018 - Pusat Islam UMK telah mengadakan majlis berbuka puasa sempena 10 Muharram 1440H serentak di ketiga-tiga kampus iaitu bertempat di Surau, UMK Kampus Kota, Masjid UMK, Kampus Jeli dan juga Masjid UMK Kampus Bachok. Bagi majlis berbuka puasa untuk Kampus Bachok telah diadakan di ruang legar Masjid Universiti, UMK Kampus Bachok. Sambutan dikalangan pelajar amat memberangsangkan dan mendapat sambutan di kalangan para pelajar untuk ketiga-tiga kampus dengan kehadiran hampir 500 pelajar untuk ketiga-tiga kampus .



**PUSAT ISLAM
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN,
Beg Berkunci No 01,
16300 Bachok
Kelantan
Tel: +609-779 7474**



PUSAT ISLAM UMK